

07 JUL 2001

BN-Sarawak

BN SARAWAK BERUSAHA GIGIH TAWAN 62 KERUSI DUN

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak akan berusaha gigih mencapai kemenangan di semua 62 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya negeri akan datang.

Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) Tan Sri Alfred Jabu berkata matlamat itu tidak mustahil dicapai berikutan kejayaan BN Sarawak memenangi semua 28 kerusi Parlimen yang dipertandingkan pada pilihan raya umum 1999.

"Kali ini, kita akan berusaha keras untuk memastikan kita boleh menyumbang kepada kejayaan 100 peratus dalam pilihan raya negeri yang akan datang," katanya dalam ucapan balas kepada ucap-tama Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Konvensyen sehari itu dihadiri oleh 4,000 anggota dan pemimpin 13 komponen BN.

Jabu berkata PBB berikrar menyokong BN bagi membela nasib rakyat pelbagai kaum dan agama serta berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau berkata rakyat Sarawak yakin dengan BN kerana ia membawa kestabilan politik, keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan kepada rakyat di kawasan bandar dan luar bandar.

"Kita juga gembira dengan perhubungan antara kerajaan negeri dan persekutuan yang bertambah rapat dan harus dikekalkan," katanya.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie pula berkata konsep bersama yang terdapat dalam BN jelas menekan kepentingan semua kaum termasuk di Sabah dan Sarawak.

Katanya PBDS gembira kerana semua kaum yang terdapat di negara ini diwakili oleh BN dan mereka turut hadir dalam konvensyen BN hari ini.

"Kita juga harus ingat dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin lepas kerana kebijaksanaan mereka membawa negara ini ke tahap yang dikagumi pada masa ini," katanya sambil menyatakan jasa dan sumbangan bekas-bekas perdana menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussien Onn serta Dr Mahathir.

Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Datuk Amar James Wong Kim Min berkata partinya mengiktiraf UMNO sebagai tulang belakang BN dan oleh itu, kekuatan UMNO perlu dipertahankan.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Tan Sri George Chan Hong Nam pula berkata komponen BN perlu lebih kerap berjumpa dan membincangkan kerjasama mereka.

Beliau juga menyarankan supaya anggota komponen mengambil inisiatif untuk mengenal satu sama lain bagi meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara mereka.

-- BERNAMA

AT SLR NZ NAK